

77

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENAJ]**

TARIKH : 09 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10318

SOALAN :

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan PDRM dan Imigresen
terhadap aktiviti 140,000 pekerja seks di Malaysia dalam rumah urut,
karaoke, seks spa dan rumah pelacur seperti yang didakwa oleh NGO
Women Aids Organization.**

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pelacuran merupakan satu kesalahan jenayah yang diklasifikasikan dibawah Seksyen 372, Sekyen 372 A dan Seksyen 372 B, Kanun Keseksaan. Kenyataan yang menyatakan terdapat seramai 140,000 pekerja seks di rumah urut, karaoke, seks spa dan rumah pelacur seperti yang didakwa oleh *NGO Women Aids Organization* agak meragukan memandangkan jumlah berkenaan merupakan andaian semata-mata oleh penulis rencana berkenaan. Namun demikian, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap individu atau ahli sindiket yang menjalankan aktiviti yang tidak bermoral ini.

Dalam memastikan aktiviti pelacuran ini tidak menjejaskan kerukunan dan keharmonian masyarakat, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh PDRM untuk mengekang kegiatan pelacuran dalam negara seperti berikut:

- i) melancarkan “Ops Noda” di seluruh negara dengan membuat pemeriksaan di premis-premis hiburan dan sarang-sarang pelacuran yang dikenal pasti melalui risikan yang telah dijalankan;**
- ii) menguatkuasakan undang-undang ke atas pemilik premis atau penjaga yang ditangkap di bawah Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/63 (Tindakan Ke Atas Majikan/Penjaga) dan perempuan-perempuan yang menyalahgunakan pas**

79

lawatan akan ditangkap di bawah Seksyen 39(B) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63 (Langgar Syarat Pas Lawatan);

- iii) menyenaraihitamkan perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenal pasti sering memasuki Malaysia khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran/pelayan pelanggan;
- iv) mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi "point of entry" dari sindiket-sindiket yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur untuk tindakan pencegahan dan menyelamatkan mangsa;
- v) tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) ke atas mereka yang terlibat menganjur aktiviti pelacuran dan pelayan pelanggan yang tiada keterangan untuk dituduh di Mahkamah; dan
- vi) mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) dengan menyita harta alih dan harta tidak alih penganjur pelacuran yang diperolehi daripada hasil aktiviti haram.